



JABATAN PERTANIAN

Department of Agriculture

Unit Komunikasi Korporat

Aras 14 & 17, Blok 4G2, Wisma Tani

No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4

62624 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : 603-8870 3050/3038

Faks : 603-8870 3044

E-mel : pro@doa.gov.my

Portal Rasmi : www.doa.gov.my

SIARAN MEDIA

SEMINAR ANCAMAN SPESIES ASING INVASIF (IAS) TERHADAP TANAMAN KELAPA DAN KELAPA SAWIT

“Kelapa dan Kelapa Sawit Terancam: Kenali dan Tangani IAS”

AYER HITAM, 18 September 2025 – Jabatan Pertanian melalui Bahagian Biosekuriti Tumbuhan terus memperkukuh peranannya sebagai agensi peneraju dalam pengurusan biosekuriti negara melalui penganjuran Seminar Ancaman Spesies Asing Invasif (IAS) terhadap Tanaman Kelapa dan Kelapa Sawit yang bertemakan “Kelapa dan Kelapa Sawit Terancam: Kenali dan Tangani IAS”. Seminar yang berlangsung di Pusat Pertanian Ayer Hitam, Johor ini dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Johor dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Penganjuran seminar ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai ancaman spesies asing invasif yang berpotensi menjejaskan kelestarian dua komoditi penting negara, iaitu kelapa dan kelapa sawit. Ia turut memperkukuh pengetahuan peserta mengenai strategi pencegahan, penghapusan, pembendungan dan kawalan IAS secara bersepadu. Seramai lebih 180 peserta terdiri daripada pemegang taruh, penggubal dasar, pengusaha ladang dan penyelidik hadir bagi berkongsi maklumat terkini serta mengukuhkan kerjasama rentas sektor dalam menangani ancaman ini.

Menurut Laporan Statistik Tanaman Tahunan 2024, Johor mencatatkan keluasan tanaman kelapa terbesar di Semenanjung Malaysia iaitu 11,000 hektar dengan pengeluaran hasil sebanyak 126,700 metrik tan. Sementara itu, keluasan tanaman sawit berlesen di seluruh negara mencecah 5.65 juta hektar. Justeru, ancaman IAS seperti Kumbang Badak Guam (*Oryctes rhinoceros* biotip Guam) dan Kumbang Merah Palma (*Rhynchophorus ferrugineus*) mampu menjejaskan hasil, mengurangkan pendapatan pekebun kecil serta memberi kesan besar kepada industri komoditi negara.

Buat masa ini, Jabatan Pertanian sedang memberi tumpuan kepada langkah kawalan domestik. Walau bagaimanapun, kementerian sentiasa terbuka untuk memperkukuh kerjasama teknikal dan perkongsian maklumat dengan

negara serantau seperti Indonesia dan Filipina, memandangkan ancaman perosak ini bersifat rentas sempadan dan memerlukan tindakan kolektif di peringkat antarabangsa. Sekiranya kawalan tidak dilaksanakan dengan berkesan, potensi kerugian hasil kelapa dianggarkan mencecah RM1.46 bilion setahun. Angka ini merangkumi impak terhadap produktiviti, pendapatan pekebun kecil, serta rantai nilai industri yang bergantung kepada kelapa.

Ketua Pengarah Pertanian, Dato' Nor Sam binti Alwi menegaskan, ancaman spesies asing invasif bukan sahaja mencabar daripada sudut biologi dan ekologi, malah membawa implikasi besar terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar negara. "Oleh itu, tindakan pengurusan secara bersepadu perlu digalas bersama oleh semua pihak. Hanya melalui kerjasama erat antara agensi kerajaan, sektor swasta, institusi penyelidikan dan komuniti setempat, kita dapat memastikan kelestarian industri kelapa dan kelapa sawit," jelas beliau.

Beliau turut menambah bahawa usaha Jabatan Pertanian ini selaras dengan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022–2030 serta Pelan Tindakan Kebangsaan IAS 2021–2025 yang menekankan kepentingan kesedaran awam, penilaian risiko spesies eksotik dan pengukuhan kawalan kuarantin di pintu masuk negara.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori), Mat Iesak bin Ngathinee.

Penganjuran seminar ini diyakini menjadi pemangkin kepada strategi pengurusan IAS yang lebih tersusun, seterusnya menyokong agenda keterjaminan makanan negara dan memastikan sektor pertanian negara kekal mampan, berdaya saing serta lestari untuk generasi akan datang.

###

JABATAN PERTANIAN

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)